

**Pindaan Arah Perbendaharaan (Pindaan 2023)
Bagi Arah Perbendaharaan (AP) 11**

No. AP	Tajuk	Perincian AP	Tarikh Kuatkuasa
AP 11	Penurunan Kuasa Bertulis	(a) (i) Kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, dan khususnya setakat mana mereka itu dibenarkan menjalankan bagi pihaknya, tugas-tugas yang menjadi tanggungjawabnya hendaklah dinyatakan dengan bertulis. (ii) Kewajipan kewangan dan perakaunan yang menggunakan automasi pintar di bawah seseorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, dan khususnya setakat mana automasi pintar itu dibenarkan menjalankan bagi pihaknya, tugas-tugas yang menjadi tanggungjawabnya automasi pintar dan Pegawai Perakaunan yang bertanggungjawab ke atas	17 Julai 2024

		automasi pintar hendaklah dinyatakan dengan bertulis. (b) Sekiranya berlaku sesuatu luar aturan, Pegawai Pengawal sepatutnya boleh menentukan dengan mudah pegawai yang bertanggungjawab; jika tidak, Pegawai Pengawal mungkin perlu mengganti apa-apa Kehilangan. Ada kemungkinan dalam sesuatu Kementerian/Jabatan yang besar, Pegawai Pengawal menjalankan sedikit sahaja atau tidak langsung menjalankan kerja-kerja kewangan sehari-hari tetapi arahan-arahan yang tetap bagi Kementerian/Jabatannya atas perkara itu mestilah diluluskan olehnya sendiri dan sama ada arahan-arahan itu memberi kesan atau tidak hendaklah sentiasa menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal.	
--	--	--	--